

LATIHAN 2.

Tulis semula simpulan bahasa yang betul untuk melengkapi cerita tersebut.

TODI, SI KATAK YANG DEGIL.

Dalam sebuah kolam, tinggal seekor ibu katak. Ibu katak itu merupakan yang menjaga anak-anaknya sendirian kerana bapa katak mati digilis oleh tayar kereta ketika sedang leka melompat di sekitar kolam. Ibu katak mempunyai dua ekor anak iaitu Todi dan Frogi. Todi seekor anak yang

dia selalu tidak mahu mendengar nasihat dari ibunya. Todi juga dianggap dek kerana sikapnya yang suka mengganggu ketenteraman adiknya. Manakala, Frogi pula yang menjadi kesayangan ibunya. Apa sahaja yang diminta oleh Frogi, ibunya sedaya-upaya akan tunaikan. Kerana itu, Todi sangat terhadap Frogi dan sangat membencinya.

Kacang hantu

ibu tunggal

anak emas

Iri hati

Berhati batu



Suatu hari, ibu katak ingin bersama-sama katak-katak yang lain. Ibu katak berpesan terlebih dahulu kepada anak-anaknya supaya tidak keluar sesuka hati dari kolam tersebut. Todi melompat kegembiraan ke sana-sini tanpa mengendahkan pesanan ibunya tadi. Todi melompat dan terus melompat hingga sampai di suatu lembah, Todi sesat dan tidak jumpa jalan untuk pulang ke rumahnya. Todi dan mula teringatkan pesanan ibunya. Tiba-tiba, datang seekor ular cuba menangkap dan memakan Todi. Lalu, Todi melompat sekuat-kuat hati kerana ketakutan.

Akhirnya, setelah puas Todi berjaya menemui semula kolam di mana dia dan keluarganya tinggal. Todi menangis sepuas-puasnya dan berjanji akan mendengar pesanan ibunya dan tidak akan mengulangi sikap hingga membahayakan dirinya sendiri lagi. Ibu katak pun telah memaafkan Todi dengan dan berjanji tidak akan membeza-bezakan anak-anaknya lagi.

mencari jalan

membabi buta

mati akal

beralih angin

tangan terbuka

